

## Pergerakan Yahudi *Suhyūnī* (Zionist) dan Bahayanya

### (3)

Pergerakan Yahudi *Suhyūnī* Sedunia yang sedang menyeludupkan anggota-anggota Barisan Kelimanya dan boneka-bonekanya dalam segala lapangan kebudayaan di kebanyakan negara-negara dunia, meliputi siyasah, pendidikan, kesenian, persuratkhabaran, kesusasteraan dan kemasyarakatan telah dibentangkan oleh al-Ustaz Abbas Mahmud al-Aqqad dalam bukunya (*al-Suhyūnīyyah al-‘Ālamiyyah*) sebagaimana yang kita sajikan dalam bilangan-bilangan yang lalu.

Dalam siaran yang lalu beliau telah membentangkan sejarah pergerakan Yahudi itu dan asal usulnya dari zaman sebelum Masihi, dan sekarang beliau melanjutkan tulisannya tentang sejarah perkembangannya dalam zaman ini.

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)

Menurut keadaanya yang nyata, pergerakan Yahudi *Suhyūnī* yang baharu samalah seperti pergerakan yang tersebut zaman purbakala, iaitu kedua-duanya dilahirkan oleh siyasah dan ahli siyasah, walau bagaimana jua sebab-sebab yang menjadi sandarannya.

Jumlah sebab-sebabnya – sebagaimana yang disebutkan oleh penulis-penulis sejarahnya – ialah penindasan, timbulnya fahaman perkauman dan perasaan tamak penjajah.

Kerana inilah pergerakan Yahudi *Suhyūnī* ini, pada mulanya terbentuk di Eropah Timur dan Eropah Tengah, kerana di situ penindasan-penindasan terhadap Yahudi telah berlaku dengan hebatnya dalam kurun yang kesembilan belas. Kemudian ia timbul pula serentak bersama-sama dengan ((Masalah Timur)) lalu digunakan sebagai alat oleh ahli-ahli siyasah untuk mencapai cita-cita tamak mereka di negeri ((Orang Sakit)) yakni kerajaan Uthmaniyah Turki sebagaimana yang dinamakan oleh juara-juara penjajah-penjajah.

Apabila penduduk Eropah seluruhnya bertumpu kepada

jalan-jalan perhubungan di antara Timur dengan Barat menembusi negara Uthmaniyah Turki, maka Napoleon pun berkehendak menggunakan kaum Yahudi untuk menguasai perniagaan di daerah-daerah Turki tersebut, lalu disiarkan satu iklan dalam akhbar rasmi iaitu menyeru kaum Yahudi di Afrika dan di Asia supaya datang mendapatkan angkatan tenteranya di Mesir, supaya mereka masuk bersama-sama dengannya ke Baitulmaqdis.

Sebaik-baik sahaja rancangan ini gagal dengan gagalnya angkatan tentera Napoleon, maka dengan serta merta, *Earl of Shaftesbury* (Inggeris) tampil mendukung rancangan itu pada tahun 1842, dengan tujuan supaya tidak dijalankan oleh kerajaan yang lain, terutama kerajaan Rusia. Ia pun mengadakan satu rancangan yang dinamakannya rancangan “Tanah yang tidak mempunyai rakyat, untuk rakyat yang tidak mempunyai tanah”. Tanah yang dimaksudkan itu ialah sebuah tempat yang kosong, yang di dalamnya dapat membuka tanah-tanah baharu untuk rancangan

pertanian di segala ceruk Palestin. Setelah itu berlangsunglah Kongres Berlin dan cita-cita mendapat tempat yang baik di dalamnya dengan sokongan hartawan-hartawan dari sebalik tabir.

Pendeknya, pergerakan Yahudi *Suhyūnī* ini, telah – dan masih – menjadi permainan siyasa yang berselindung di sebalik tabir agama. Di sini kita suka hendak menyelak tabir dari satu peringkat masa yang lain pula yang berhubung dengan sejarah pergerakan *Suhyūnī* – yang setengah-setengah orang, yang teraku-aku berperi kemanusiaan, sengaja buat-buat tidak mengetahui akan sebab musabab wujudnya pergerakan jahanam ini.

Orang-orang yang tersebut berkata – dan tidak jemu-jemu mengulang-ulangkan apa yang mereka katakan itu – bahawa penindasan ialah sebab yang utama yang menimbulkan

pergerakan *Suhyūnī* itu, dan bahawa terdirinya pergerakan itu akan dapat melenyapkan penyakit itu atau menahannya daripada berulang.

Hakikat yang sebenarnya, yang kita hendak jelaskan di sini ialah bahawa penindasan itu ialah natijah bagi penyakit yang telah lama sebatu kepada kaum Yahudi yang berkekalan mencengkam mereka dalam kerajaan (negara) mereka yang baharu sebagaimana ia mencengkam mereka dalam kerajaan mereka yang lama.

Tetapi siapakah yang menindas kaum Yahudi di dalam kerajaan Raja Sulaiman sehingga kerajaan itu berpecah dua kepada penduduknya, dan tiap-tiap satu bahagian yang tersebut telah berpecah pula kepada penduduknya.

Dan siapakah yang telah menindas mereka tatkala mereka bangun menderhaka kepada tiap-tiap seorang Nabi daripada Nabi-nabi mereka, dan tiap-tiap seorang panglima daripada panglima-panglima mereka, sedang mereka pada ketika itu tidak dikuasai oleh orang lain?

*Al-Qur'an al-Karīm* telah mensifatkan mereka dengan sebenar-benarnya ketika ia menyebutkan perihal mereka: “*Taḥsabuhum jamī'an wa qulūbuhum shattā.*” (Engkau sangka mereka – Yahudi – bersatu padu, sedang hati mereka berpecah belah). *Al-Qur'an al-Karīm* tidak pula mensifatkan mereka melainkan dengan apa yang telah disifatkan oleh kitab-kitab mereka dan Nabi-nabi mereka dari zaman dahulu hingga kepada kemudian daripada zaman Masihi.

Di dalam fasal yang ketiga puluh satu, dari kitab *Safru al-Tathniyyah*, (salah sebuah kitab dari kumpulan kitab Taurāh), mereka dikatakan menerusi kata tuhan: “Aku mengetahui akan perbuatan kamu menderhaka, dan akan leher-leher kamu yang keras”.

Maksudnya: Mereka ialah penderhaka dan keras

**Bacalah riwayat hidup**  
**Khālid ibn al-Walīd**  
**(Oleh: Abdullah Basmeh)**

Tiap-tiap baris dalam riwayat hidup perwira Islam Khālid ibn al-Walīd ini menggambarkan keberanian dan kebijaksanaan yang tidak ada taranya!

Cetakan yang kedua ini berhias dengan gambar-gambar dari “filem Khālid” yang pilihan.

Tebalnya kira-kira 150 muka dan harganya hanya \$1.50. Belanja mengirimmnya 10 sen. Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura.**

kepada (degil).

Di dalam fasal yang kesembilan, dari kitab *Safru Nahamiyya*, bahawa "Mereka telah berpaling kerana menunjukkan kedegilan mereka, dan telah mengeraskan leher (kepala) mereka, serta tidak pula mereka mahu mendengar."

Dan di dalam fasal yang ketujuh belas, dari kitab *Safru Irmiyya*, bahawa: "Mereka telah mengeraskan leher (kepala) mereka, supaya mereka tidak mendengar dan supaya mereka tidak faham."

Dan di dalam kitab *Amalan Rasul-rasul*, bahawa mereka keras kepala. Dan di dalam kitab-kitab yang lain, terdapat keterangan yang sekata, bahawa mereka keras kepala, jahat dan tidak bersefahaman sesama sendiri.

Ini ialah penyakit yang tidak akan bercerai daripada mereka di dalam kerajaan mereka yang baharu, dan memang tidak pernah bercerai daripada mereka di dalam kerajaan mereka yang lama dahulu, sehingga kesudahannya mereka telah meleburkan kerajaan yang tersebut sebelum dileburkan oleh musuh-musuh mereka.

Mereka telah menimpakan di atas diri mereka: penindasan, dalam tiap-tiap negeri, dan di dalam tiap-tiap zaman, serta dalam kalangan segala kaum dan bangsa.

Maka tidaklah termasuk pada akal, bahawa penyakit itu ada kepada orang lain, sedang bangsa-bangsa yang lain itu pula tidak ada daya dan upaya terhadap mereka melainkan pada akhirnya menundukkan mereka atau pun tunduk kepada mereka.

Sebenarnya penyakit kaum Yahudi ini ialah satu penyakit yang telah sebatu di dalam diri mereka, iaitu mereka ialah makhluk yang rosak dari segi masyarakat, kerana mereka ialah satu kumpulan yang telah terbentuk

dan tidak dapat menjadi satu umat. Mereka pula telah bertentang dengan penduduk dunia, sedang mereka (Yahudi) berada dalam peringkat yang belum kembang (tumbuh membesar) dan tidak layak untuk berkembang dengan bersendirian.

Oleh yang demikian, tiap-tiap ubat untuk mengubati penyakitnya itu tidak ada harapan mendatangkan faedah sama sekali, selagi penduduk dunia tidak mengalahkan mereka (Yahudi) atas tabiatnya yang buruk itu, dan meleburkan mereka dengan terpaksa, di dalam kumpulan umat-umat di dunia.

Hal yang demikian ini sudah tentu tidak mustahil daripada berlaku, kerana yang selainnya: tidak sekali-kali akan berlaku.

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah

Sudah siap

Sejarah Ringkas

**Muhammad**

*Ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

(Huruf Jawi)

Disusun oleh Edrus. Sejarah ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah. Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah faham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskhah \$1.20

Pos 10 sen.

**Pesanlah kepada penerbitnya:**

Q A L A M

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.